

## **PEMBENTUKAN MASYARAKAT MADANI BERPANDUKAN KAEDAH PENDIDIKAN BERSEPADU SURAH LUQMAN AYAT 12-19**

**Suliah Mohd Aris\***

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Shah Alam,  
Selangor Malaysia

**Fathiah Fathil**

Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Perak,  
Kampus Seri Iskandar, Perak, Malaysia,

**Shamsiah Sapri**

Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Media (KPPIM)  
UiTM Shah Alam, Selangor, Malaysia

*\*Corresponding Author's Email: [sulia384@uitm.edu.my](mailto:sulia384@uitm.edu.my)*

### **Article history:**

*Received : 20 Oktober 2023*

*Accepted : 13 November 2023*

*Published : 22 Disember 2023*

### **ABSTRAK**

Konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mempunyai matlamat melahirkan Malaysia yang maju bukan sahaja dari segi kebendaan namun juga dari segi pemikiran, dan peradaban yang berteraskan nilai, etika dan akhlak. Gagasan tersebut bukanlah satu usaha yang mudah apatah lagi di era globalisasi kini yang memperlihatkan pengaruh ideologi Barat terlalu mudah meresapi pemikiran dan gaya hidup masyarakat. Berhadapan dengan cabaran tersebut, kaedah pendidikan yang bersepadu dan mantap adalah amat diperlukan sebagai suatu saranan penyelesaian. Justeru itu kajian ini menganalisa rangka kaedah pendidikan bersepadu menerusi al-Quran dengan memfokuskan kajian terhadap Surah Luqman ayat 12 hingga ayat 19. Kajian ini menggunakan metod kualitatif, data primer yang diperolehi menerusi kitab tafsir muktabar, buku serta artikel ilmiah yang berotoriti dan seterusnya dianalisis menggunakan metod analisa kandungan. Hasil kajian mendapati bahawa kaedah pendidikan bersepadu digunakan oleh Luqman kepada anaknya merangkumi pendidikan akidah, ibadah, akhlak dan dakwah dengan pelbagai teknik yang berkesan. Kaedah tersebut wajar menjadi panduan dalam membentuk insan yang seimbang dan bersepadu serta bertanggungjawab bagi merealisasikan masyarakat Madani.

**Kata kunci :** Bersepadu; Kaedah pendidikan; Madani; Masyarakat; Surah Luqman

## **FORMATION OF A CIVILIZED SOCIETY BASED ON THE INTEGRATED EDUCATION APPROACH IN SURAH LUQMAN VERSES 12-19**

### **ABSTRACT**

*The concept of "Madani Malaysia" introduced by the Prime Minister, Datuk Seri Anwar Ibrahim, aims to create a Malaysia that is not only advanced in material aspects but also in terms of thinking and civilization based on values, ethics, and morality. This idea is not an easy endeavor, especially in the current era of globalization where Western ideologies easily influence people's thinking and lifestyles. Faced with these challenges, a comprehensive and robust educational approach is highly necessary as a proposed solution. Therefore, this study analyzes the framework of integrated education through the Quran, focusing on the study of Surah Luqman, verses 12 to 19. This study employs a qualitative method, with primary data obtained from reputable tafsir books, books, and authoritative scholarly articles, which are subsequently analyzed using content analysis methods. The study findings reveal that Luqman used an integrated education approach for his child, encompassing creed, worship, morals, and propagation with various effective techniques. This approach should serve as a guide in shaping well-rounded and integrated individuals who are responsible for realizing a Madani society.*

**Keywords:** *Integrated; Education approach; Madani (Civilized); Society; Surah Luqman*

### **PENDAHULUAN**

Gagasan Malaysia Madani diperkenalkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke sepuluh sebagai usaha membangun negara yang lebih mampan, makmur dan adil. Istilah madani sebenarnya bukanlah suatu yang baru kerana ia telah mula diperkenalkan oleh al-Farabi bagi melambangkan masyarakat bandar yang mempunyai ketinggian nilai dan budi bahasa. Dalam melahirkan masyarakat Madani tersebut, aspek pendidikan adalah instrumen yang amat penting kerana melaluinya bukan sahaja potensi seseorang dicungkil namun nilai akhlak dan adab turut disemai. Pendidikan yang baik mampu melahirkan insan seimbang yang bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan yang baik dengan Allah SWT, namun terhadap sesama manusia dan alam. Matlamat ini boleh dicapai menerusi pendidikan sepadu sebagaimana yang dianjurkan oleh Islam sejak wahyu pertama lagi. Terdapat panduan pendidikan sepadu dalam al-Quran, antaranya didikan Luqman al-Hakim terhadap anaknya dengan pelbagai teknik yang berkesan yang dijelaskan dalam Surah Luqman sebagai panduan.

## **PERNYATAAN MASALAH**

Pendidikan adalah aspek yang amat penting kerana ia merupakan proses pengembangan potensi dan penyemaian nilai dalam pemikiran seseorang. Justeru itu, sistem pendidikan perlu dibentuk berdasarkan matlamat dan wawasan sesebuah negara (Abdul Mukti, 2018). Di Malaysia, Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) adalah tunjang kepada sistem pendidikan di negara kita dan merupakan panduan yang lengkap untuk membangunkan insan yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani (Syahirah, 2022).

Dalam mencapai matlamat tersebut, pelbagai cabaran terpaksa dihadapi. Kajian yang dilakukan oleh Abdul Hakim (2020) mendapati kepesatan teknologi pada hari ini turut mengundang kepada pelbagai kesan negatif seperti gejala sosial, kepudaran nilai kemanusiaan dan sebagainya yang memerlukan pendidikan modal insan sebagai penyelesaiannya. Menurut kajian yang dilakukan oleh Syahirah et.al (2022) bertajuk Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan Kebangsaan Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu, isu berkenaan globalisasi, sekularisme dan liberalisme, penilaian berasaskan peperiksaan serta isu keprofesionalan guru perlu diberikan perhatian yang serius agar sistem pendidikan berjalan lancar dan mencapai kejayaan. Justeru, para pendidik perlu meneliti, memahami dan menghayati Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) seterusnya melaksanakan tanggungjawab secara profesional berdasarkan kepada falsafah tersebut agar matlamat pendidikan negara bagi melahirkan insan bersepadu tercapai. Matlamat ini juga sejajar dengan teras Malaysia Madani yang digagaskan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10 iaitu melahirkan hidup seimbang berasaskan ilmu dan kearifan tempatan (Anwar, 2023). Usaha tersebut tidak mampu dicapai seandainya kesepaduan antara ilmu aqli dengan ilmu naqli; ilmu fardu ain dan fardu kifayah tidak dilaksanakan secara menyeluruh (Ikhwan, 2021). Ini adalah kerana menurut Syed Muhammad Naquib al-Attas, krisis nilai yang berlaku masa kini adalah disebabkan budaya ingkar ilmu apabila makna ilmu, tujuan menuntut dan menyebarkan ilmu diselewengkan serta hierarki ilmu diterbalikkan (Wan Mohd Daud, 2019).

Dalam menangani permasalahan yang berlaku, sewajarnya umat Islam menggunakan pendekatan konsep pendidikan bersepadu yang terdapat dalam al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengkaji elemen dan kaedah pendidikan bersepadu yang terdapat dalam Surah Luqman menerusi ayat 12 hingga ayat 19. Ini adalah kerana walaupun kandungan al-Quran tidak menjelaskan secara pasti bila dan di mana Luqman hidup, namun menurut Syaari (2021) apa yang pasti pada ayat ke 6 hingga 7 surah Luqman ada memperihalkan cabaran Luqman dalam memperbaiki keadaan masyarakat di zamannya yang menyamai situasi semasa kini.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini merupakan kajian berbentuk kualitatif dengan memberi fokus kajian terhadap ayat 12 hingga 19 Surah Luqman. Data-data primer diperolehi menerusi tafsir muktabar seperti Tafsir Ibn Kathir, Tafsir al-Qurtubi dan Tafsir al-Maraghiy. Selain itu kajian ini juga merujuk kepada buku-buku dan artikel ilmiah yang

berotoriti. Data-data primer dan sekunder yang diperolehi kemudiannya dianalisa dengan menggunakan kaedah analisa kandungan bagi mencapai objektif kajian.

## **KAJIAN LITERATUR**


### **Konsep Pendidikan Bersepadu Menurut Islam**

Pendidikan sepadu telah diberi penekanan sejak wahyu yang pertama diturunkan kepada Rasulullah SAW. Terdapat pelbagai definisi pendidikan bersepadu dari ilmuan tempatan antaranya, Mohd Kamal Hassan (1984) mendefinisikan pendidikan sepadu sebagai pendidikan yang berdasarkan falsafah kesepaduan di antara iman dan ilmu, jasad dan roh, dunia dan din, fikiran dan hati, akal dan wahyu. Menurutnya menerusi falsafah kesepaduan ini manusia dapat dididik supaya tunduk kepada tuntutan akidah Islam, syariah Islam dan akhlak Islam. Menurut Abdul Halim El-Muhammady (1991), pendidikan bersepadu merupakan satu proses mendidik dan melatih akliyah, jasmaniah dan rohaniah manusia berasaskan kepada nilai-nilai Islam bersumberkan wahyu Allah SWT iaitu al-Quran dan al-Sunnah bagi melahirkan insan yang bertaqwa dan mengabdikan diri kepada Allah SWT. Manakala Tajul Ariffin Noordin dan Abdul Raof Dalip (1986) berpendapat pendidikan sepadu sebagai pendidikan yang berteraskan al-Quran dan al-Sunnah yang disepadukan dengan disiplin ilmu akal ke arah membina masyarakat ummah yang berteraskan akidah.

Daripada pelbagai definisi tersebut, dapat dirumuskan bahawa pendidikan bersepadu merupakan pendidikan berasaskan tauhid dalam membentuk insan bertaqwa dan seimbang dari aspek rohani, jasmani, emosi dan intelek. Dalam mencapai matlamat tersebut perlunya pendekatan yang bersepadu antara dunia dan akhirat, ilmu naqli dan akli, ilmu fardu ain dan fardu kifayah, teori dan amali serta kecemerlangan teknologi dan nilai insani yang berteraskan al-Quran dan Al-Sunnah (Abdul Hakim, 2020).

Asas pendidikan bersepadu menjadikan tauhid sebagai tunjang pendidikan. Keyakinan kepada keEsaan Allah SWT sebagai pencipta mendorong penyembahan hanya kepadaNya sahaja dan melahirkan kepatuhan terhadap segala perintah dan laranganNya demi mencapai kesejahteraan dunia dan akhirat. Asas seterusnya ialah pendidikan holistik dan sepadu yang berterusan merangkumi ilmu mengenal hakikat Pencipta, insan dan alam agar dapat membentuk seorang khalifah dan hamba Allah yang bertanggungjawab (Abdul Hakim, 2020). Komponen utama dalam menjalinkan tiga bentuk hubungan yang saling berkait antara satu sama lain dapat dilihat menerusi Rajah 1.

Matlamat pendidikan bersepadu bukan sahaja melahirkan insan yang bertaqwa dan bertanggungjawab, namun secara tidak langsung ia juga melahirkan insan yang mempunyai ketinggian akhlak. Ini adalah kerana ia bukan sahaja mendidik akal namun juga hati (*spiritual intelligence*). Menerusinya juga pembangunan insan yang seimbang dan holistik dalam aspek fizikal dan spiritual akan terbina tanpa meminggirkan salah satu aspek yang tersebut (Ikwan Lubis, 2021).



**Rajah 1:** Konteks Hubungan Manusia

## KONSEP MASYARAKAT MADANI

Perkataan madani berasal daripada perkataan bahasa Arab iaitu *maddana* yang bermaksud halus dan beradab sopan dalam budi bahasa dan tingkah laku (al-Mu'jam, 2003). Perkataan madani berasal dari perkataan *dana - dinan* yang bermaksud agama. Maksud agama di sini ialah agama Islam atau cara hidup Islam. Dari kata akar ini muncullah perkataan *madinah* (kota), *madani* (masyarakat kota) dan *tamaddun* (tamadun). Terdapat pelbagai definisi masyarakat Madani menurut sarjana, antaranya Mahayudin (2014) mendefinisikannya sebagai penduduk bandar atau orang yang menukar keadaan yang tidak bertamadun kepada bertamadun. S.M Naquib (1989) mendefinisikan dengan masyarakat yang mengamalkan kehidupan beragama dan Hamid (2004) sebagai masyarakat yang hidup selesa dan tinggi budi bahasa. Dari pelbagai definisi tersebut dapat dirumuskan bahawa ciri masyarakat Madani mempunyai kehidupan yang selesa dan maju dari sudut pembangunan fizikal dan mengamalkan ketinggian budi pekerti dan kesantunan dari sudut pembangunan spiritual (Mohd Farihal, 2016).

Menurut Prof Emeritus Osman Bakar (1997), tokoh terawal Islam yang membincangkan istilah madani ialah Al-Farabi (870-950). Istilah ini kemudiannya dikembangkan oleh Ibn Miskawayh (936-1030) dan Ibn Khaldun (1332-1406). Tokoh-tokoh Islam ini secara umumnya mempunyai persamaan pendapat bahawa istilah madani menjelaskan suatu tahap perubahan dan kemajuan yang mana masyarakatnya saling bekerjasama menjayakan kesejahteraan dan kemakmuran dengan adil dan kasih sayang tanpa wujudnya unsur kepentingan diri, kezaliman, kelesuan ilmu atau kejahilan serta tanpa mengorbankan nilai pekerti. Ini memberi makna bahawa istilah madani tidak dapat dipisahkan dari unsur akhlak. Justeru, masyarakat Madani merupakan masyarakat yang meletakkan kedudukan ajaran Islam sebagai nilai yang tinggi dalam ketamadunan.

## **KONSEP MALAYSIA MADANI**

Konsep Malaysia Madani lahir dalam kemelut kehidupan bermasyarakat hari ini yang semakin luas kepincangan dalam pelbagai aspek kehidupan merangkumi ekonomi, politik dan sosial. Malaysia Madani merupakan suatu slogan yang diusulkan oleh Perdana Menteri Malaysia ke-10 sebagai suatu ikhtiar secara bersepadu dan holistik untuk menjadikan segala dasar dan pelaksanaan di Malaysia lebih bersifat manusiawi yang sentiasa ditambah baik menerusi musyawarah dan maklum balas rakyat (Ummi Munirah, 2023). Slogan “Membangun Malaysia Madani” mula diperkenalkan pada 19 Januari 2023 mempunyai enam nilai teras Madani dicerakin kepada kemampuan (M), kesejahteraan (A), daya cipta (D), hormat (A), keyakinan (N) dan ihsan (I) sebagai kerangka dasar dan falsafah yang berkait rapat dan bersepadu dengan setiap satunya turut menguatkan yang lain (Anwar, 2023). Tujuan gagasan ini adalah untuk membina kecemerlangan dan peradaban masyarakat Malaysia dari segi fizikal dan spiritual (Ismail, 2023). Pendekatan politik dengan wajah Islamik yang berlatarkan demografi Malaysia ini dipercayai mampu memacu pencapaian kesejahteraan serta keharmonian rakyat majmuk menurut acuan Malaysia. Namun, bagi menjayakan pelaksanaan konsep ini, ia memerlukan sentuhan penerokaan aspek elemen pendidikan yang bersepadu bagi melahirkan ketinggian budaya ilmu dalam masyarakat negara ini (The Sundaily, 2023).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

### **Latar Belakang Surah Luqman**

Surah Luqman mengandungi 34 ayat dan merupakan surah ke-31 mengikut susunan al-Quran yang berada pada juzuk ke 21. Surah ini dinamakan Luqman bersempena dengan kisah wasiat Luqman kepada anaknya pada ayat ke 12 (Syaari, 2021). Menurut Ibn Kathir (2008), nama sebenar Luqman ialah Luqman bin Anqa bin Sadun dan anaknya bernama Tharan sebagaimana diceritakan oleh al-Suhaili daripada Ibnu Jarir dan Qutaibi. Manakala menurut al-Syawkani, nama sebenar Luqman ialah Luqman bin Ba'uran bin Nahur bin Tarakh iaitu cicit kepada Azar yang merupakan ayah nabi Ibrahim as (Safinah, 2018).

Beliau dikatakan hidup sebelum zaman pengutusan Nabi Daud AS serta menjadi rujukan masyarakat awam dalam urusan keagamaan. Namun setelah pengutusan Nabi Daud AS, beliau telah berhenti memberi fatwa malah berguru dengan Nabi Daud AS. Para ulama salaf berbeza pandangan tentang Luqman sama ada beliau adalah seorang nabi ataupun seorang lelaki soleh, namun kebanyakan mereka berpandangan Luqman seorang lelaki soleh yang diberikan kelebihan tertentu oleh Allah SWT. Terdapat pelbagai pandangan tentang pekerjaan Luqman, Khalid ar-Rib'i berkata bahawa Luqman merupakan seorang hamba dari Habsyi (Ethiopia) dan seorang tukang kayu (Ibn Kathir, 2008). Terdapat juga pandangan menyatakan beliau adalah seorang tukang jahit, pengembala kambing dan qadhi di zaman Bani Israel sekaligus penasihat Nabi Daud as. (Safinah, 2018)

## Konsep Pendidikan Bersepadu Menurut Surah Luqman ayat 12-19

Elemen pendidikan bersepadu yang dapat dianalisa menerusi Surah Luqman ayat 12 hingga 19 adalah seperti berikut:

### 1. Pendidikan Tauhid Teras Pendidikan Bersepadu

Pesanan pertama Luqman al-Hakim kepada anaknya ialah larangan menyekutukan Allah dan menjelaskan perbuatan syirik adalah kezaliman yang terbesar (Ibn Kathir, 2008) kerana meletakkan sesuatu bukan pada tempatnya. Menurut al-Maraghiy (2001), perbuatan menyamakan Allah SWT dengan berhala yang tidak mampu melakukan sesuatu adalah berdosa besar. Syirik boleh menjelma bukan sekadar dalam bentuk penyembahan berhala, namun juga dalam bentuk yang jauh lebih bahaya yang tidak nampak dengan mata kasar iaitu mempertuhankan nafsu sebagaimana maksud firmanNya dalam Surah al-Jathiyah ayat 23: *“Dengan yang demikian, bagaimana fikiranmu (wahai Muhammad) terhadap orang yang menjadikan hawa nafsunya tuhan yang dipatuhinya...”* Penanaman konsep tauhid dan pembanterasan segala bentuk kesyirikan menjadi perkara *awlawiyat* dalam kisah Luqman dan disokong oleh al-Imam Abu al-Su’ud dalam kitab tafsirnya *Irsyad al-Aql al-Salim ila Mazaya al-Kitab al-Karim* menyatakan kisah Luqman bermula ayat ke 12 adalah penghuraian ayat sebelumnya (ayat 10 dan 11) mengenai kebatilan syirik. Ini bermakna selepas ayat tersebut merupakan proses pendidikan Luqman kepada anaknya agar jangan menyembah dan memuja sesuatu selain daripada Dia (Syaari, 2021).

Menurut Syaari Ab Rahman (2021) dalam menanam pendidikan tauhid beberapa perkara dapat dianalisa dari kisah Luqman iaitu:

- i) Luqman mendidik anaknya supaya tidak melakukan bibit-bibit syirik dengan mengkufuri nikmat Allah SWT iaitu tidak menghargai apa yang dikurniakan Allah SWT malah mahu memperoleh apa yang belum diizinkan oleh Allah SWT kepadanya sebagaimana firmanNya dalam ayat 12: *“Dan sesungguhnya telah Kami berikan hikmat kepada Luqman, iaitu: "Bersyukurlah kepada Allah. Dan barangsiapa yang bersyukur (kepada Allah), maka sesungguhnya ia bersyukur untuk dirinya sendiri; dan barangsiapa yang tidak bersyukur, maka sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji".*
- ii) Luqman mengajar anaknya agar merendah diri dan jangan sekali terkena penyakit *ghurur* (terpedaya dengan nikmat Tuhan atasnya) dengan memastikan dirinya bersama orang yang beriman.
- iii) Luqman mengingatkan anaknya agar terhindar dari penyakit hati seperti bangga diri dan hasad dengki kerana sebesar zarah sekalipun perasaan tersebut tanpa berterima kasih kepada Allah SWT tetap akan dipersoalkan olehNya di Hari Akhirat sebagaimana maksud firmanNya dalam ayat ke 16 : *(Luqman berkata): "Hai anakku, sesungguhnya jika ada (sesuatu perbuatan) seberat biji sawi, dan berada dalam batu atau di langit atau di dalam bumi, nescaya Allah akan mendatangkannya (membalasinya). Sesungguhnya Allah Maha Halus lagi Maha Mengetahui.* Menurut Ibn Kathir (2008) ayat ini juga

memperlihatkan pengetahuan Allah Yang Maha Luas mencakupi semua perkara termasuk semut yang merayap pada malam yang pekat.

- iv) Luqman menasihatkan anaknya agar memelihara solat kerana itulah satu-satunya jalan untuk memelihara diri daripada sifat tidak bersyukur atas nikmat Allah SWT dan bersihkan hati daripada sekecil kuman syirik (riak dan *sum'ah*)

Menerusi penanaman konsep tauhid ini dapat difahami bahawa hubungan akidah haruslah dijadikan hubungan utama yang mesti didahulukan daripada hubungan kekeluargaan dan darah. Penggunaan *fi'il mudharik* yang digunakan dalam ayat ( وَهُوَ يَعْطُهُ ) menunjukkan pesanan tauhid adalah secara berterusan yang sentiasa diulangi tanpa jemu. Menurut Syeikh Mutawalli Sa'rawi peringatan yang berulang kali adalah langkah agar si anak tidak terlupa di kemudian hari (Syaari, 2021).

## **2. Pendidikan Holistik Dalam Menjalin Hubungan Dengan Allah, Sesama Manusia dan Alam**

Manusia dijadikan sebagai hamba dan khalifah Allah SWT yang perlu menjalankan tanggungjawab bukan sahaja kepada Pencipta, namun juga sesama manusia dan alam sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Dzariyat ayat 56. Dalam Surah Luqman selepas pendidikan tauhid, ayat seterusnya membincangkan pendidikan ibadah, akhlak dan dakwah dalam konteks menjalankan hubungan *hablu minallah*, *hablu minas nas* dan *alam* sebagaimana berikut:

### **i. Pendidikan Ibadah**

Sebelum pesanan solat, pemasakan dua unsur batin dilakukan iaitu pertama unsur pujian dan terima kasih dan kedua unsur takut dan berharap yang boleh dianalisis pada ayat 14 dan 16. Unsur batin ini amat penting dan perlu digabung dengan unsur zahir seperti memelihara kesemua rukun solat, menjaga bacaan dan seumpamanya. Keseimbangan unsur zahir dan batin inilah melahirkan Muslim yang cerdas kesihatan fizikal, emosional dan spiritualnya (Syaari, 2021).

Setelah penanaman konsep tauhid tersebut tindakan Luqman seterusnya ialah mendidik anaknya supaya mendirikan solat sebagai manifestasi daripada akidah yang sahih dan *jazam* serta dalam masa yang sama pengamalan serta kepatuhan kepada hukum syarak tersebut menguatkan lagi akidah yang sedia ada (Abdul Mukti, 2018).

### **ii. Pendidikan Akhlak**

Akhlak merupakan salah satu asas penting dalam Islam dan menjadi misi utama pengutusan Rasulullah saw. Ketinggian martabat sesuatu tamadun bergantung kepada ketinggian akhlak bangsa tersebut. Dalam Surah Luqman, terdapat banyak pendidikan akhlak yang wajar diteladani dalam membentuk masyarakat Madani yang berperibadi mulia. Menurut Ibn Kathir (2008), selepas perintah larangan syirik,



Allah SWT memerintahkan supaya taat kepada ibubapa selagi mana tidak menyalahi perintah Allah SWT. Ayat ini turut disertakan justifikasi mengapa wajib mentaati mereka terutama kepada ibu kerana beliau lebih banyak keletihan dan kesulitan dalam membesarkan anaknya. Ayat ini menyeru anak-anak mengingati kebaikan ibunya lalu mendoakannya sebagaimana firmanNya dalam Surah al-Israa' ayat 24 bermaksud “*Dan ucapkanlah: “Wahai Rabbku, kasihilah mereka keduanya sebagaimana mereka berdua telah mendidik (memelihara) ku waktu kecil”*”

Seterusnya Luqman mendidik anaknya supaya bersikap sabar dalam menghadapi kesusahan dan kesulitan yang menimpa (al-Qurtubi, 2009). Pada ayat 17 perkataan (ذَلِكْ) bermakna “itulah” merujuk kepada sesuatu yang jauh digunakan menunjukkan sabar adalah suatu yang sukar untuk dicapai. Menurut Syaari (2021) ia bukanlah soal ketabahan hati terhadap sesuatu yang menimpa tetapi berfikir dengan positif pada apa yang terjadi. Hikmah anjuran sabar selepas perintah solat dan penjelasan tentang kesabaran seorang ibu yang mengandungkan anaknya supaya manusia merasakan bahawa sabar ialah meyakini segala bebanan yang dihadapi akan membuahkan kegembiraan sebagaimana kegembiraan seorang ibu semasa kelahiran anaknya. Sabar adalah meyakini pasti ada hikmah pada musibah yang sedang menimpa kerana segala ketentuan Allah SWT mempunyai kebaikan sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Taubah ayat 51.

Pada ayat ke 18 pula, dijelaskan akhlak dalam berkomunikasi sesama manusia dengan larangan menyombong diri dan memalingkan muka sebaliknya merendah diri dan berwajah manis (Ibn Kathir, 2008). Seterusnya di akhir ayat ke 19 pula, dianjurkan agar “*lunakkanlah suaramu*” iaitu dilarang berlebihan dalam berbicara dan mengeraskan suara pada sesuatu yang tidak bermanfaat sebagaimana disebut dalam firmanNya “*Sesungguhnya seburuk-buruk suara ialah suara keldai.*” Dalam ayat ini dibuat perumpamaan meninggikan suara dengan suara keldai kerana suaranya adalah yang paling buruk. Mujahid dan kebanyakan ulama berpendapat perbuatan meninggikan suara mempunyai persamaan dalam tinggi dan kerasnya suara keldai, di samping dimurkai Allah SWT (Ibn Kathir, 2008). Adab dalam berkomunikasi ini turut dijelaskan dalam Surah al-Hujurat ayat ke 4. Percakapan yang tenang dan menggunakan intonasi bersesuaian adalah bersumberkan akal yang tajam, fikiran yang teratur dan terancang. Ia menjadikan pendengar merasa tenang dan memberi perhatian sehingga meresap ke dalam hati untuk difahami apa yang disampaikan (Fathullah, 1996)

Selain itu akhlak ketika berjalan turut dijelaskan dalam pesanan Luqman. Menurut al-Maraghi (2001), ayat ke 19 menganjurkan bersederhana dalam berjalan iaitu dengan sikap rendah hati dan tawadduk. Ibn Kathir (2008) mentafsirkan ayat tersebut agar berjalan dengan sederhana iaitu tidak terlalu lambat dan tidak terlalu cepat. Cara berjalan yang terlalu cepat menunjukkan keadaan yang sangat cintakan dunia manakala jika terlalu lambat menunjukkan ketidakyakinan dan sifat malas. Cara berjalan para anbiya' seperti Nabi Daud AS dan Nabi Sulaiman AS perlu diteladani. Keduanya tidak terlalu menundukkan kepala ke bawah sehingga kelihatan hina dan tidak pula mendongak ke langit sehingga lupa daratan sebagaimana yang dinyatakan dalam Surah al-Israa' ayat 37.

Menurut Sayyid al-Tantawi perkataan *وَاقْصِدْ فِي مَشْيِكَ* bukanlah sekadar membetulkan cara berjalan namun ialah bermaksud sikap pertengahan dalam

segenap kehidupan yang dilalui. Ini bermakna perintah Luqman boleh ditafsirkan sebagai sikap kita apabila bekerja mencari rezeki kerana kalimah مَشْنِي kerap muncul dalam al-Quran dalam konteks mencari rezeki. Apabila didahului dengan perkataan فِي bermakna “*berjalanlah mencari rezeki*”. Ini bermakna Luqman seolah-olah berpesan kepada anaknya agar menyeimbangkan antara berdoa agar dimurahkan rezeki dengan kerja yang bersungguh-sungguh (Syaari, 2021).

### iii. Pendidikan Dakwah

Pendidikan dakwah dengan menyeru orang lain berbuat makruf dan mencegah mereka dari melakukan kemungkarannya dengan kemampuan dan kesungguhan turut diterapkan oleh Luqman kepada anaknya pada ayat ke 17 (Ibn Kathir, 2008). Seajar dengan tanggungjawab manusia sebagai khalifah Allah, urusan dakwah perlu dilaksanakan bagi meneruskan risalah yang dibawa oleh para rasul utusanNya. Perkara ini dapat dilihat dalam maksud firmanNya dalam Surah al-Nahl ayat 125: “*Serulah (manusia) kepada jalan Tuhanmu dengan hikmah dan pelajaran yang baik dan bantahlah mereka dengan cara yang baik.*” Pelaksanaan dakwah menerusi pendidikan mampu membentuk pemimpin yang mampu membenters gejala negatif dan jenayah demi kesejahteraan masyarakat .

### 3. Kaedah Pendidikan Surah Luqman Dalam Mendidik Insan Madani

Terdapat beberapa kaedah yang digunakan Luqman dalam mendidik anaknya yang wajar diikuti agar matlamat pendidikan tercapai. Kaedah pertama ialah dengan menggunakan kaedah komunikasi berkesan iaitu berkomunikasi dengan penuh kelembutan dan kasih sayang. Ini dapat dilihat dari rahsia perkataan *Ya bunayya* yang menggunakan *shighah al-tashghir* iaitu ucapan mengecilkan sesuatu bertujuan berlembut dan menjinakkan mesej yang mahu disampaikan kepada pendengar. Komunikasi ini adalah efektif antara pendidik dan anak didik yang didorong oleh rasa kasih sayang serta direalisasikan dalam pemberian bimbingan dan arahan agar terhindar daripada perbuatan yang dilarang (M. Zubaedy, 2018). Dalam perkataan lain, ia adalah ucapan untuk mengangap anak yang sudah besar panjang masih seperti anak kecil yang masih “merangkak” mencari petunjuk Ilahi. Hikmah pengulangan ungkapan *Ya bunayya* sebanyak tiga kali memperlihatkan kesungguhan dakwah yang dilakukan Luqman kepada anaknya selain melambangkan kasih sayang. Selain itu pengulangan tersebut juga sebagai petanda bahawa Luqman sedang mengingatkan dirinya dan anaknya bahawa “aku berpesan kerana sayang padamu, wahai anak.” Dalam hal ini Imam al-Ghazali menyebutkan bahawa salah satu di antara tugas pendidik ialah menyayangi anak didiknya sebagaimana seorang ayah menyayangi anaknya, bahkan lebih dari itu (Syaari, 2021). Pendekatan ini wajar dijadikan ikutan dalam membentuk masyarakat Madani yang seimbang.

Kaedah kedua ialah dengan menggunakan dialog berkesan yang disertai dengan argumentasi yang jelas mengapa sesuatu perbuatan itu disuruh atau dilarang. Setiap pesanan Luqman kepada anaknya diikuti perkataan (أَنْ ) yang bermaksud sesungguhnya menunjukkan penegasan dan pengukuhan terhadap nasihat tersebut. Kaedah ini juga menunjukkan berlakunya interaksi dua hala seolah-olah berlakunya

soal jawab yang diikuti penjelasan sebagai pengukuhan. Misalnya dalam ayat ke 13 yang bermaksud :“*Janganlah kamu mempersekutukan Allah, sesungguhnya mempersekutukan Allah adalah benar-benar kezaliman yang besar.*” Kaedah ini adalah penting agar anak didik diajak berdialog dengan menggunakan potensi fikirannya agar potensi itu dapat berkembang dengan baik dan dapat memahami justifikasi setiap perintah dan larangan (M. Zubaedy, 2018). Justifikasi yang disertakan selepas sesuatu perintah atau suruhan mampu menggerakkan hati anak untuk menerima pendidikan yang diberikan kepadanya (Salihin, 2019).

Kaedah ketiga ialah menjadikan diri sebagai suri teladan atau model ikutan terbaik dengan melaksanakan terlebih dahulu sesuatu amalan sebelum diperintah kepada anaknya. Perkara ini dapat difahami melalui dua perkara iaitu pertama menerusi maksud hikmah yang salah satunya memberi makna mereka yang beramal dengan ilmu yang diberikan. Manakala yang kedua menerusi kalimah ( وَهُوَ يَعْظُهُ ) bermakna Luqman sentiasa mengingatkan dirinya sebelum menasihati anaknya (Syaari, 2021).

Kaedah keempat yang digunakan Luqman ialah dengan nasihat secara konsisten. Ini dapat dilihat menerusi kalimah ( وَهُوَ يَعْظُهُ ) yang menggunakan *fiil mudharik* menunjukkan ia menjadi amalan berterusan dan konsisten dalam menasihati anaknya tanpa jemu. Pengulangan wasiat tersebut bertujuan agar pesanan tersebut tertanam dalam jiwa anaknya agar si anak tidak lupa. Pengulangan nasihat tersebut juga menunjukkan bahawa Luqman sentiasa meluangkan masa bersama anaknya walaupun mempunyai tanggungjawab dakwah di luar rumah. Anak-anak lebih terkesan dengan personaliti si ayah untuk membina karakter apabila dewasa nanti kerana lebih terkesan dengan apa yang mereka lihat berbanding daripada apa yang mereka dengar daripada ayah. (Syaari, 2021) Kaedah nasihat dipaparkan dalam al-Quran bukan sahaja terdapat dalam Surah Luqman tetapi juga Surah Hud ayat ke 2 (ucapan Nuh kepad anaknya), Surah Yusof ayat 5 dan Surah al-Baqarah ayat 132 iaitu nasihat Nabi Yaakub dan Nabi Ibrahim kepada anak-anaknya yang secara keseluruhannya menekankan nasihat keimanan kepada Allah SWT dan menjauhi syirik sebagai nasihat pertama (Suhailiza, 2018)

Kaedah kelima ialah dengan menggunakan analogi atau perumpamaan agar sesuatu nasihat itu lebih dekat dan mudah difahami golongan sasaran. Perumpamaan suara yang buruk dengan suara keldai untuk membandingkan dengan individu yang gemar menengking dan meninggikan suara terhadap orang lain sebenarnya menggambarkan keburukan perbuatan tersebut yang dibenci oleh masyarakat (Ibn Kathir, 2008). Gambaran tersebut mampu menimbulkan kesedaran tentang keburukan dan seterusnya mendorong untuk dijauhi. Selain itu penggunaan unta sebagai analogi dalam membandingkan dengan perlakuan sombong dan penggunaan batu, biji sawi dan gelap gelita dalam menerangkan nama Allah *al-Latif dan al-Kabir*. Penggunaan analogi atau metafora mampu mendatangkan imaginasi dalam fikiran seseorang dan menjadikan penyampaian lebih jelas, mudah difahami dan dituruti (Salihin, 2019).

## **PEMBENTUKAN MASYARAKAT MADANI BERPANDUKAN KONSEP KESEPADUAN ILMU SURAH LUQMAN**

Masyarakat Madani yang mementingkan ketinggian akhlak dalam pembangunan bercorak holistik amat memerlukan pendekatan pendidikan bersepadu bagi menjayakan matlamatnya. Kaedah pendidikan ini mampu mendidik masyarakat bagaimana mengguna, menyaring dan memanfaatkan teknologi (Abdul Hakim, 2020).

Menerusi analisa terhadap Surah Luqman ayat 12 hingga 19, jelas didapati bahawa dalam usaha melahirkan masyarakat Madani, pendidikan tauhid perlu dijadikan teras dalam pendidikan kerana menurut Sayid Sabiq (2010) apabila seseorang mengenal Tuhannya melalui akal dan hati, ianya akan menghasilkan kemerdekaan jiwa dari kekuasaan orang lain, melahirkan keberanian dalam jiwa untuk terus maju, meyakini Allah SWT sebagai Pemberi Rezeki, melahirkan ketenangan, meningkatkan kekuatan maknawiyah manusia dan melahirkan kehidupan yang baik. Malahan menurut Abdul Halim El-Muhammady (1991) pembinaan ilmu bersepadu yang bertitik tolak dari asas tauhid ini dapat mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat. Melalui analisa, juga diperlihatkan bagaimana Luqman mengutamakan pendidikan tauhid sebelum pelaksanaan ibadah dan amalan yang lain (Salihin, 2009)

Setelah akidah tauhid terpasak, dididik pula bagaimana seseorang menjalinkan hubungan yang baik dengan ibubapa, sesama manusia dan makhluk yang lain. Dalam hal ini pendidikan ibadat, akhlak dan dakwah diberikan penekanan. Pendidikan ibadat dijelaskan dalam surah ini, ialah seruan mendirikan solat kerana solat merupakan tiang agama. Hikmah pensyariatannya melambangkan ketundukan seorang hamba kepada Tuhannya, membersihkan jiwa (al-Maraghiy, 2001) dan membentuk perisai peribadi yang jitu dari melakukan sebarang kemungkaran sebagaimana yang termaktub dalam Surah al-Ankabut ayat 45. Ini menunjukkan bahawa penunaian solat bukan sahaja menghubungkan jalinan antara seorang hamba dengan Pencipta, namun ia juga membentuk kekuatan dalaman diri yang amat diperlukan bagi mendepani pelbagai krisis nilai dalam tatakelola pentadbiran, ekonomi dan sosial kini.

Dalam Surah Luqman, terdapat banyak pendidikan akhlak yang wajar diteladani dalam membentuk masyarakat Madani yang berperibadi mulia selari dengan gagasan Malaysia yang berteraskan nilai, etika atau akhlak dalam pemeraksanaan ekonomi dan budaya (Ismail, 2023). Anjuran berbuat baik dengan ibubapa selagi tidak membawa kepada syirik, sabar terhadap segala musibah, berkomunikasi dengan baik, tidak menyombong diri dan bersederhana dalam segala urusan membentuk *umatun wasatan* yang cemerlang dari segi intelektual dan spiritual dan seterusnya menjadi model kepada umat yang lain sebagaimana dinyatakan dalam Surah al-Baqarah ayat 143. Selain itu, pendidikan dakwah yang diterapkan dalam surah ini melatih daya kepimpinan sejak kecil agar menyeru ke arah kebajikan dan mencegah kemungkaran yang merupakan tanggungjawab setiap manusia.

Kaedah pendidikan yang dianjurkan dalam surah ini mendidik kita dalam pembinaan masyarakat Madani perlunya menggunakan beberapa kaedah yang

berkesan. Kaedah nasihat dan bimbingan yang konsisten yang ditonjolkan wajar diteladani kerana terdapat kajian yang telah dilakukan oleh Fauziah Ibrahim et.al (2012) mendapati golongan remaja yang dibimbing secara positif oleh keluarganya mampu menghalang mereka terjebak dalam permasalahan sosial. Komunikasi yang berkesan dengan penuh kasih sayang merupakan elemen yang penting dalam teknik keibubapaan dan pendidikan. Penggunaan dialog yang disertai dengan hujah dan metafora mendorong anak-anak memahami segala perintah dan larangan ke atasnya dengan lebih mudah. Selain itu, kaedah suri teladan dari ibubapa atau pendidik adalah penting agar penyampaian dakwah lebih berkesan. Menurut Nasih Ulwan (2015), kaedah ini adalah paling berkesan dalam pembinaan peribadi kerana seorang anak akan meniru perlakuan ibubapa mereka.

## KESIMPULAN

Pendidikan sepadu adalah penting dalam membentuk masyarakat Madani yang seimbang dan bersepadu dalam aspek jasmani, rohani, emosi dan intelektual serta mampu melaksanakan tanggungjawabnya. Panduan pendidikan ini telah dijelaskan dalam al-Quran, antaranya dalam Surah Luqman ayat 12 hingga 19. Pendidikan yang ditonjolkan menerusi pesanan Luqman al-Hakim kepada anaknya memperlihatkan bahawa penanaman akidah tauhid merupakan asas dalam pembentukan insan madani yang sepadu sebelum disemai pendidikan yang lain. Setelah pasakan nilai tauhid, pendidikan ibadah, akhlak dan dakwah turut disemai bagi membentuk satu pendidikan yang holistik agar mampu melaksanakan tanggungjawab kekhalifahan yang bukan sahaja dapat menjalinkan hubungan dengan Pencipta tetapi juga sesama manusia dan alam. Kaedah yang berkesan dalam pendidikan juga dijelaskan iaitu komunikasi yang berkesan dan penuh kasih sayang, nasihat yang konsisten, dialog yang jelas dan mudah difahami, penggunaan metafora serta membentuk suri teladan yang baik wajar diambil ibrah dan diikuti dalam menjayakan pembentukan masyarakat Madani.

## RUJUKAN

- Abdullah Nasih 'Ulwan. (2015). *Tarbiyyat al- Awwalad Fi al- Islam*. (Terj. Mohd Ikhwan Abdullah). Kuala Lumpur: PTS Publication & Distributors Sdn Bhd
- Abdul Halim El-Muhammady. (1991). *Pendidikan Islam: Falsafah, Disiplin dan Peranan Pendidik*, PJ : Dewan Pustaka Islam
- Abdul Hakim Abdullah. (2020). *Pendidikan Islam Dalam Era Revolusi Industri 4.0*. Jurnal Tamaddun-FAG UMG. XXI(1), 265-270.
- Abdul Mukti Baharudin. (2018). *Aulawiyat Dalam Pendidikan Anak-anak: Kajian Terhadap Surah Luqman*. eProceeding IRSYAD. 4<sup>th</sup> International Conference on Islamiyyat Studies 2018. 18-19<sup>th</sup> September 2018 Tenera Hotel Bandar Baru Bangi: Selangor
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (Hamka). (1999). *Tafsir al-Azhar*. Singapura : Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Al-Ay'yid, Ahmad. (2003). *Al-Mu'jam Al-Arabiyy Al-Asasiyy*. Riyadh : Larus

- Al-Maraghiy. (2001). *Tafsir al-Maraghiy*. Terj Muhammad Thalib. Jil 11(Juz 21& 22). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Al-Qurtubi. (2009). *Al-Jami' li Ahkam al-Quran*. Terj. Fathurrahman Abdul Hamid. Dudi Rosyadi. Marwan Affandi. Jakarta Selatan. Pustaka Azzam
- Anwar Ibrahim. (2023). *Membangun Negara Madani*. Selangor : IDE Research Centre Sdn Bhd
- Elemen Pendidikan dalam Malaysia Madani Angkat Martabat Rakyat, Negara. (2023). The SUNDAILY 21 Januari 2023 <https://www.thesundaily.my/cerita/berita/elemen-pendidikan-dalam-malaysia-madani-angkat-martabat-rakyat-negara-CH10533199>
- Fathullah al-Hafnawi. (1996). *Himpunan Wasiat-wasiat Luqman al-Hakim Untuk Anak-anak*, terj.: Redaksi Nurulhas. Kuala Lumpur: Sykt Nurulhas
- Fauziah Ibrahim. Norulhuda Sarnon. Khadijah Alavi. (2012). Memperkasa Pengetahuan Agama Dalam Kalangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal Of Social Science And Humanities. e-Bangi*. 7 (1): 84-93.
- Ibn Kathir. (2008). *Tafsir Ibn Kathir*. Penterjemah M. Abdul Ghoffar. Jil 7. Jakarta : Pustaka Imam Asy-Syafi'i
- Ikhwan Lubis et. al. (2021). Dasar Falsafah Dan Polisi Pendidikan Bersepadu: Pengalaman Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 4 (1), 1-19.
- Ismail Sualman. (2023). *Memahami Konsep Malaysia Madani*. Utusan Online 22 Januari 2023. <https://www.utusan.com.my/rencana/2023/01/memahami-konsep-malaysia-madani/>
- Mohd Farihal Osman, Noor Habibi Long Ahmad Bashir Aziz. (2016). Toleransi Nabawi Dalam Pembinaan Budaya Masyarakat Madani Yang Bertamadun. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 4(5), 52–64.
- Mohd Kamal Hassan. (1984). Penghayatan Islam dalam Mempelajari dan Mengembangkan Ilmu. Kertas kerja Forum Pendidikan Sepadu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia
- M. Zubaedy (2018). Konsep Pendidikan Anak Menurut al-Quran Surah Luqman Ayat 13-19. *Didaktika Jurnal Kependidikan*, 12(2)
- Osman Bakar. (1997). Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani. *Jurnal Usuluddin*, 5, 1-10. UM : Kuala Lumpur Retrieved from <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3154>
- Safinah Ismail. (2018). *Elemen Komunikasi Bapa Dalam Surah Luqman*. eProceeding IRSYAD. 4<sup>th</sup> International Conference on Islamiyyat Studies 2018. 18-19<sup>th</sup> September 2018 Tenera Hotel Bandar Baru Bangi: Selangor
- Salihin Hussin, Ahmad Najib Abdullah & Wan Rohani Wan Mokhtar. (2019). Pentafsiran Ayat Pendidikan Luqman Mengikut Perspektif Ahli Tafsir Kontemporari, *al-Basirah*, 9(1), 1-17.
- Sayed Sabiq. (2022). *Aqidah Islam Menurut Al-Quran Dan Hadis*. Selangor : Pustaka Salam
- Siti Zaharah Hamid, Abur Hamdiusman, Sofiah Samsudin & Farah Zaidar Muhamed Ramli. (2018). *Konsep Tarbiyah Dalam Surah Luqman menurut*

- Kitab Nazarat Fi Kitabillah Karya Zainab Al-Ghazali Al-Jubaily (1917-2005)*. Proceeding of The International Conference On Contemporary Issues In Al-Quran And Hadith 2018 (THIQAH 2018) 7 Mac 2018. ILIM, BANGI : SELANGOR, e-ISBN :978-967-2122-37-1
- Suhailiza Md. Hamdani, Dini Farhana Baharudi, Nur Kareelawati Abdul Karim & Eizan Azira Mat Sharif. (2018). *Meneroka Model Pendidikan Seimbang Untuk Mendepani Abad Ke-21*. 4<sup>th</sup> International Conference on Islamiyyat Studies 2018. 18-19<sup>th</sup> September 2018 Tenera Hotel Bandar Baru Bangi: Selangor
- Syaari Ab Rahman. (2021). *Indahnya Pesan Luqman Al-Hakim*. Dengkil : Paradigma Ibrah Sdn. Bhd
- Syahirah Rosli, Siti Fairuz mahmud, Mohd Edyazuan Azni. (2022). Mengintegrasikan Falsafah Pendidikan kebangsaan (FPK) Dalam Membangunkan Modal Insan Bersepadu, *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4(1), 86-103.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). *Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Abdul Raof Dalip. (1986). *Pendidikan Sepadu*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ummi Munirah Syuhada Mohamad Zan. (2023). *Tadbir Urus Kerajaan 'Malaysia Madani': Persepsi Golongan Belia Terpelajar*. E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial & Kemanusiaan kali ke-8 (PASAK 2023) 10 -11 Mei 2023
- Wan Mohd Nor Wan Daud. (2019). *Budaya Ilmu: Makna dan Manifestasi dalam Sejarah dan Masa Kini*. CASIS : Kuala Lumpur